



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***BAHASA FIGURATIF DALAM NOVEL ANWAR RIDHWAN***

**SITI NORASHIKIN BINTI MOHD KHALIDI**

**FBMK 2019 58**



**BAHASA FIGURATIF DALAM NOVEL ANWAR RIDHWAN**




Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**Januari 2019**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

Ucapan Bismillah sebagai pembuka bicara  
Syukur kehadrat Ilahi  
Atas rahmat dan kurniaan-Nya  
Yang selalu mengizinkan aku untuk terus berjuang  
Mengejar cita-cita dan menyiapkan tesis ini.

Buat arwah abah  
Mohd Khalidi bin Badron  
Amanahmu untuk aku menyambung pelajaran  
Menjadikan aku setegar tembok batu  
Memikul harapanmu agar aku kukuh untuk terus berjuang  
Terima kasih abah atas segala pengorbananmu  
Pemergianmu mengiringi rasa kerinduan di setiap langkahku berjalan.

Untuk insan terindah di dunia ini  
Arwah emak, Saniah binti Ab Wahid  
Terima kasih atas segala doa  
Mutiara kata yang diberikan  
Untuk anakmu terus tabah berjuang  
Sesungguhnya tidak terbalas jasamu  
Walaupun selaut wang ringgit kuhamarkan.

Juga untuk penyelia Dr. Hajah Nor Azuwan Yaakob  
Tidak lupa juga buat pensyarah-pensyarah lain  
Yang tanpa bosan mendidikku  
Yang sering membajaiku dengan ilmu  
Agar aku dapat menjadi insan yang tumbuh subur  
Terima kasih semuanya.

Buat abang-abang dan kakak-kakak  
Yang sentiasa menghulurkan sumbangan kepada adikmu  
Jutaan terima kasih adikmu ucapan.

Istimewa buat teman-teman seperjuangan yang kusayangi  
Terima kasih atas dorongan yang kalian titipkan buatku saban hari  
Yang sama-sama memahami jerit-perih perjalanan ini  
Kehadiran kalian membawa erti persahabatan yang sebenarnya.

Kejayaan ini, aku hadiahkan sebagai buah tangan yang terindah untuk semua  
Semoga jasa kalian semua diberkati Allah.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

## **BAHASA FIGURATIF DALAM NOVEL ANWAR RIDHWAN**

Oleh

**SITI NORASHIKIN BINTI MOHD KHALIDI**

**Januari 2019**

**Pengerusi : Hajah Nor Azuwan Yaakob, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Bahasa figuratif merupakan salah satu bentuk gaya bahasa yang mengandungi maksud tersirat yang digunakan dalam karya kreatif maupun karya bukan kreatif. Aspek kajian ini memberi fokus terhadap penggunaan bahasa figuratif dalam karya kreatif, yang mempunyai fungsi penting sama ada kepada pengarang dan juga kepada pembaca. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti teks secara tekstual dan kontekstual. Selain itu, penganalisaan data kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif.

Kajian ini berfokuskan kepada tiga objektif utama, iaitu mengenal pasti jenis bahasa figuratif, menghuraikan makna tersurat dan makna tersirat bahasa figuratif dan menjelaskan fungsi bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan. Data kajian ini diperoleh daripada penganalisaan tiga buah novel yang bertajuk *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), *Naratif Ogonshoto* (2001) dan *Penyeberang Sempadan* (2012). Kajian ini dijalankan berpandukan teori pragmatik, iaitu Teori Relevans yang diasaskan oleh Dan Sperber dan Deirde Wilson pada tahun (1986).

Hasil kajian yang menfokuskan kepada lima jenis bahasa figuratif, iaitu personifikasi, simile, metafora, hiperbola dan alusi menemukan sebanyak 300 data bahasa figuratif. Hasil kajian dari sudut makna tersurat dan makna tersirat bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan pula menunjukkan bahawa Teori Relevans berjaya merungkaikan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang dan seterusnya dapat difahami oleh pembaca. Seterusnya, analisis dari sudut fungsi bahasa figuratif, pengkaji mendapati bahawa bahasa figuratif adalah bertujuan untuk menjelaskan, memperkuatkan dan menghidupkan objek mati tentang sesuatu keadaan yang sedang berlaku dalam novel yang dikaji.

Kesimpulannya, dalam kajian ini bahasa figuratif merupakan kaedah, gaya bahasa dan kebijaksanaan pengarang untuk melontarkan sesuatu perkara di dalam karyanya secara tersirat. Di samping itu, kajian tentang makna yang melibatkan bidang pragmatik dapat meningkatkan tahap pemahaman pembaca mengenai sesuatu perkara yang abstrak. Impaknya, sesuatu perkara yang hendak disampaikan, difikirkan atau dirasakan oleh pengarang dapat memberikan kesan pembaca.

Kata Kunci: bahasa figuratif; karya kreatif, Teori Relevans, tersirat



Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

## **FIGURATIVE LANGUAGE IN NOVEL ANWAR RIDHWAN**

By

**SITI NORASHIKIN BINTI MOHD KHALIDI**

**January 2019**

**Chairman**

**: Hajah Nor Azuwan Yaakob, PHD**

**Faculty**

**: Modern Language and Communication**

Figurative language is one of the forms of language style that contains the implied meaning used in creative or non-creative work. Aspect of this research give focus towards figurative language usage in creative work that has important function whether to author and also to reader. Analysis method of content is used to examine text by textual and contextual. In addition, the analysis of this study is using qualitative method.

This study focuses on three main objectives, identify the figurative language type, elaborate the explicit meaning and implicit meaning of the figurative language, and explain figurative language function in Anwar Ridhwan's novels. This study data obtained from the analysis of three novels that is entitled *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), *Naratif Ogonshoto* (2001) dan *Penyeberang Sempadan* (2012). This study conducted guided by pragmatic theory, namely Relevance Theory founded by Dan Sperber dan Deirde Wilson in year (1986).

The results that concentrate to five figurative language types, namely personification, simile, metaphor, hyperbola and allusion found 300 figurative language data. Meanwhile, the results of study from the explicit meaning and implicit meaning of the figurative language shows that Relevance Theory succeeded in revealing the true meaning that the author intends to convey and thus be understood by the reader. Furthermore, the analysis from figurative language functional aspect, the researcher found that figurative language was intended to explain, reinforce and revive the dead object of a current situation in the novel studied.

In conclusion, in this study the figurative language is the method, the language style and the author wisdom to throw a thing in his work implicitly. In addition, study on the

meaning which involves field pragmatic can increase the understanding level of reader on something matter that is abstract. The impact, something that wants to be conveyed, thought or felt by author can give effect to reader.

Keywords: figurative language, creative work, Relevance Theory, implicitly



## **PENGHARGAAN**

Bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk memperoleh ijazah Master Sastera (Bahasa Melayu).

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr. Hajah Nor Azuwan Yaakob (Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan) dan Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah (Ahli Jawatankuasa Penyeliaan) yang telah banyak melapangkan masa untuk memberi tunjuk ajar dan teguran dalam membantu saya menyiapkan penyelidikan ini sehingga lengkap. Hanya Allah sahaja yang dapat membalmasnya.

Paling penting, terima kasih kepada arwah ayah, Mohd Khalidi bin Badron dan arwah ibu, Saniah binti Ab Wahid. Tidak lupa juga kepada abang-abang dan kakak-kakak yang banyak memberi galakan, dorongan dan pengorbanan yang tidak terhingga kepada saya. Saya turut mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah dan kakitangan sokongan serta rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa bersama ketika suka dan duka, sentiasa memberi kata-kata semangat dan pandangan sepanjang perjalanan saya untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Sokongan anda semua telah membawa kejayaan kepada saya dalam menggenggam segulung ijazah Master Sastera (Bahasa Melayu). Jasa dan budi kalian akan saya kenang hingga akhir hayat. Terima kasih.

Siti Norashikin binti Mohd Khalidi  
GS39397  
“Berilmu Berbakti”

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Hajah Nor Azuwan Yaakob, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 17 Jun 2019

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Siti Norashikin binti Mohd Khalidi (GS39397)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : \_\_\_\_\_

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Bahasa Figuratif sebagai Gaya Bahasa dalam Novel	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Skop Kajian	5
1.8 Definisi Operasional	6
1.8.1 Bahasa Figuratif	6
1.8.2 Novel	7
1.8.3 Makna Tersurat	8
1.8.4 Makna Tersirat	8
1.9 Kesimpulan	9
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	10
2.2 Kajian tentang Bahasa Figuratif dalam Multidimensi	10
2.3 Kajian tentang Bahasa Figuratif dalam Novel	16
2.4 Kesimpulan	18
<b>3 METODOLOGI</b>	
3.1 Pengenalan	19
3.2 Reka Bentuk Kajian	19
3.2.1 Kerangka Teori	19
3.2.1.1 Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986)	20
3.2.1.2 Model Jenis Bahasa Figuratif (Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Saleeh Rahamad, 1996)	23
3.2.1.3 Model Fungsi Bahasa Figuratif (Gorys Keraf, 1984)	24

3.2.2	Kerangka Konsepsi	25
3.3	Kaedah Kajian	26
3.4	Instrumen Kajian	26
3.5	Prosedur Kajian	27
3.6	Penganalisisan Data	27
3.7	Kesimpulan	29
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	30
4.2	Jenis Bahasa Figuratif yang terdapat dalam Novel Anwar Ridhwan	30
4.2.1	Bahasa Figuratif Personifikasi	31
4.2.2	Bahasa Figuratif Simile	32
4.2.3	Bahasa Figuratif Metafora	33
4.2.4	Bahasa Figuratif Hiperbola	34
4.2.5	Bahasa Figuratif Alusi	35
4.3	Makna Tersurat dan Makna Tersirat Bahasa Figuratif yang terdapat dalam Novel Anwar Ridhwan	35
4.3.1	Makna Tersurat dan Makna Tersirat Bahasa Figuratif Personifikasi	36
4.3.2	Makna Tersurat dan Makna Tersirat Bahasa Figuratif Simile	42
4.3.3	Makna Tersurat dan Makna Tersirat Bahasa Figuratif Metafora	48
4.3.4	Makna Tersurat dan Makna Tersirat Bahasa Figuratif Hiperbola	54
4.3.5	Makna Tersurat dan Makna Tersirat Bahasa Figuratif Alusi	59
4.4	Fungsi Bahasa Figuratif yang terdapat dalam Novel Anwar Ridhwan	65
4.4.1	Menjelaskan	65
4.4.2	Memperkuatkan	72
4.4.3	Menghidupkan Objek Mati	78
4.5	Kesimpulan	82
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	84
5.2	Rumusan	84
5.2.1	Jenis Bahasa Figuratif yang terdapat dalam Novel Anwar Ridhwan	85
5.2.2	Makna Tersurat dan Makna Tersirat Bahasa Figuratif yang terdapat dalam Novel Anwar Ridhwan	85
5.2.3	Fungsi Bahasa Figuratif yang terdapat dalam Novel Anwar Ridhwan	86
5.3	Implikasi Kajian	86
5.3.1	Pihak Kementerian	86

5.3.2	Bidang Kesusasteraan di Malaysia	87
5.3.3	Bidang Akademik	87
5.3.4	Masyarakat	87
5.4	Cadangan	88
5.4.1	Membezakan Penggunaan Bahasa Figuratif daripada Tiga Orang Pengarang yang Berbeza	88
5.4.2	Menganalisis Makna Tersurat dan Tersurat Tersirat Berpandukan Teori Pragmatik yang Lain	88
5.4.3	Membezakan Penggunaan Bahasa Figuratif daripada Dimensi yang Lain	88
5.4.4	Mengkaji Jenis dan Fungsi Bahasa Figuratif yang Lain	88
5.4.5	Menjalankan Kajian Lapangan	89
5.5	Penutup	89
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	90
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	96
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	97

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
4.2	Taburan Jenis Bahasa Figuratif dalam Novel Anwar Ridhwan	30
4.3.1.1	Makna Tersurat “fajar bangkit”	36
4.3.1.2	Makna Tersirat “fajar bangkit”	37
4.3.1.3	Makna Tersurat “matanya meliar”	38
4.3.1.4	Makna Tersirat “matanya meliar”	39
4.3.1.5	Makna Tersurat “jong terus mencabar ombak”	40
4.3.1.6	Makna Tersirat “jong terus mencabar ombak”	41
4.3.2.1	Makna Tersurat “seperti benang jala”	42
4.3.2.2	Makna Tersirat “seperti benang jala”	43
4.3.2.3	Makna Tersurat “seperti tembok istananya”	44
4.3.2.4	Makna Tersirat “seperti tembok istananya”	45
4.3.2.5	Makna Tersurat “seperti anak-anak burung gagak yang baru mencuba sayapnya”	46
4.3.2.6	Makna Tersirat “seperti anak-anak burung gagak yang baru mencuba sayapnya”	47
4.3.3.1	Makna Tersurat “hidup sebatang kara”	49
4.3.3.2	Makna Tersirat “hidup sebatang kara”	49
4.3.3.3	Makna Tersurat “serpihan-serpihan kehidupan”	51
4.3.3.4	Makna Tersirat “serpihan-serpihan kehidupan”	51
4.3.3.5	Makna Tersurat “hutang nyawa”	52
4.3.3.6	Makna Tersirat “hutang nyawa”	53
4.3.4.1	Makna Tersurat “sekelip mata”	54
4.3.4.2	Makna Tersirat “sekelip mata”	55

4.3.4.3 Makna Tersurat “kamar neraka”	56
4.3.4.4 Makna Tersirat “kamar neraka”	57
4.3.4.5 Makna Tersurat “kurus cengkung”	58
4.3.4.6 Makna Tersirat “kurus cengkung”	58
4.3.5.1 Makna Tersurat “musim ikan sudah selesai barulah saya dapat menyudahkannya”	60
4.3.5.2 Makna Tersirat “musim ikan sudah selesai barulah saya dapat menyudahkannya”	60
4.3.5.3 Makna Tersurat “orang tetap memerlukan api walaupun api panas; orang tetap menghargai bunga mawar walupun tangkai mawar berduri”	62
4.3.5.4 Makna Tersirat “orang tetap memerlukan api walaupun api panas; orang tetap menghargai bunga mawar walupun tangkai mawar berduri”	62
4.3.5.5 Makna Tersurat “melukut di tepi gantang”	64
4.3.5.6 Makna Tersirat “melukut di tepi gantang”	64

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan mengupas tentang latar belakang kajian mengenai bahasa figuratif sebagai gaya bahasa dalam novel. Seterusnya, pengkaji akan menyatakan beberapa masalah dan persoalan yang wujud, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan definisi operasional. Dalam bahagian definisi operasional, penjelasan makna diberikan meliputi konsep yang berkaitan dengan kajian, iaitu bahasa figuratif, novel, makna tersurat dan makna tersirat bagi memudahkan pemahaman tentang kajian yang dijalankan.

#### 1.2 Bahasa Figuratif sebagai Gaya Bahasa dalam Novel

Mohamad Azmi Ab. Rahman (2016) menyatakan bahawa pengkaryaan kreatif bukan dihasilkan dari ruang yang kosong, sebaliknya karya kreatif berfungsi merakam suara hati pemiliknya untuk memperkatakan, menzahirkan dan memaparkan sesuatu tentang pengisahan hidup masyarakat. Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005) penulisan karya kreatif merupakan karya kesusastraan yang mempunyai unsur keistimewaan dan keindahan yang bermediumkan gaya bahasa. Dengan erti kata yang lain, gaya bahasa merupakan nadi yang dapat menghidupkan sesebuah karya kreatif itu. Dalam konteks kajian ini, karya kreatif merujuk kepada novel.

Ali Imron Al-Ma'ruf (2009) menyatakan bahawa novel merupakan sebuah karya kreatif yang mempunyai jalan seni, imaginasi dan rekaaan sesuatu cerita. Sama ada novel atau karya kreatif yang lain seperti cerpen, sajak, gurindam, seloka dan teromba segala pengungkapan yang terdapat di dalamnya dikawal oleh bahasa pengarang. Hal ini demikian kerana gaya bahasa adalah tanda yang mempunyai makna dan sebagai ideologi pengarang. Aminudin Mansor (2014) ada menyatakan bahawa terdapat pelbagai gaya bahasa dalam novel seperti gaya bahasa bercerita, bermonolog dan berdialog yang disampaikan melalui pemilihan ayat yang penuh bermakna seperti bahasa figuratif hiperbola, metafora, personifikasi, peribahasa dan imageri.

Asrul Azuan Mat Dehan (2016) turut menyatakan bahawa novel bukan sahaja bergantung kepada nilai ekstrinsiknya seperti unsur watak dan perwatakan, tema dan persoalan, latar dan plot, tetapi turut bergantung kepada kebijaksanaan pengarang bermain dengan bahasa. Hal ini demikian kerana nilai intrinsik novel yang dibentuk oleh potensi bahasa digunakan oleh pengarang untuk mengekspresikan nilai ekstrinsik yang berupa gagasan pengarang mengandungi makna kata, bunyi kata, rangkai kata yang membentuk imej, irama bahasa dan sebagainya. Potensi bahasa ini pula bergantung kepada jenis gaya bahasa yang dipilih oleh pengarang. Oleh itu, dalam konteks kajian ini nilai ekstrinsik novel diperlihatkan menerusi gaya bahasa figuratif.

Menurut Zurinah Hassan (2011) sesuatu ayat diklasifikasikan sebagai bahasa figuratif apabila makna sebenarnya berbeza dengan makna yang diberikan oleh kamus atau mengandungi makna yang tidak serupa daripada kebiasaan yang diterima oleh khalayak.

Berdasarkan Gorys Keraf (1984), bahasa figuratif boleh dikelompokkan kepada tiga belas jenis, iaitu hiperbola, personifikasi, simile, metafora, hipokronisme, alusi, sinekdoke, metonimi, sarkasme, antonomasia, ironi, depersonifikasi dan sinisme. Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Saleeh Rahamad (1996) pula membahagikan bahasa figuratif kepada sembilan jenis, iaitu metafora, simile, alusi, personifikasi, depersonifikasi, ironi, sarkasme, hiperbola dan imageri. Kepelbagaiannya penggunaan jenis bahasa figuratif untuk menyampaikan makna nilai ekstrinsiknya dalam novel secara tersirat dapat menonjolkan keintelektualan pengarang. Hal ini demikian kerana gaya bahasa ini menuntut keringat dan semangat yang bukan sedikit, tetapi memerlukan usaha, ilmu pengetahuan, kemahiran berfikir dan masa yang banyak.

Penggunaan gaya bahasa figuratif dalam novel bukan sahaja menonjolkan keintelektualan pengarang, bahkan mencerminkan hasil karya yang sempurna, mahal dan bermutu. Ramlee Wahab (2016) menyatakan bahawa mengolah bahasa merupakan tugas pengarang yang menekan perasaan sehingga tugasnya dapat terperciknya biasan keindahan bahasa dan mengesan perasaan. Sebagai contoh, karya Usman Awang merupakan karya yang tidak ditelan zaman dan masih relevan hingga kini kerana karyanya yang bermutu tinggi. Ini menunjukkan bahawa karya Usman Awang bukan hanya sekadar picisan sahaja. Oleh itu, untuk menghasilkan novel yang sedemikian rupa bukan hanya sekadar mengeluarkan, menyusun atau memotong kata-kata sehingga menjadi sebuah cerita tetapi keutamaan pemilihan kata yang tepat itu amat penting dititikberatkan. Menyentuh tentang pemilihan kata pula, Eko Marini (2010) menyatakan bahawa kata-kata yang digunakan seharusnya yang setepat-tepatnya supaya dapat menarik dan menggetarkan hati pembaca.

Pengarang perlu bijak memilih kata yang tepat dalam soal menghubungkan antara bahasa figuratif dengan perkara yang dirujuk. Hal ini demikian kerana sekiranya penggunaan kata yang digunakan tidak mencapai tahap kesesuaian sehingga mengakibatkan kepincangan terhadap pemahaman pembaca, maka gagallah tujuan yang hendak disampaikan oleh pengarang. Bukan itu sahaja, pemakaian gaya bahasa dalam melahirkan karya yang baik bukan sekadar untuk menyampaikan nilai ekstrinsik dalam novel, tetapi pengarang menggalas tanggungjawab yang lebih besar. Pemilihan kata yang tepat juga merupakan cerminan perbezaan corak identiti yang tertentu antara seorang pengarang dengan pengarang yang lain. Oleh itu, gaya bahasa yang merupakan wadah utama dalam novel walaupun sesuatu perkataan itu boleh ditukar ganti dengan perkataan yang membawa makna yang selain daripada makna tersuratnya, ia menuntut pengarang untuk memilih kata-kata yang tepat, padu dan jitu menurut konteksnya.

Bahasa figuratif berfungsi sebagai alat mempengaruhi atau meyakinkan pembaca dan mencipta perasaan tertentu. Bahasa figuratif atau dikenali sebagai bahasa kiasan menurut Ramlee Wahab (2016) bertujuan untuk memantapkan karya, iaitu menjadikan novel lebih indah dan berkesan untuk mempengaruhi emosi pembacanya. Hassan

Ahmad (2016) pula ada menyatakan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa yang mengaitkan ciri keilmiahan dan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa tamadun tinggi yang mampu menjadi bahasa ilmu pada zaman globalisasi ini. Oleh itu, kajian ini memilih tiga buah novel, *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), *Naratif Ogonshoto* (2001) dan *Penyeberang Sempadan* (2012) yang dikarang oleh Anwar Ridhwan. Kajian ini akan menyentuh tentang penggunaan bahasa figuratif dalam novel beliau sebagai salah satu gaya bahasa yang menghubungkan gagasan pengarang dengan pembacanya. Tanpa bahasa figuratif, gagasan yang hendak disampaikan oleh pengarang mungkin tidak sampai atau tidak diterima baik dan membosankan. Oleh itu, dalam skop kajian ini, berkesan di sini akan dilihat dari segi jenis bahasa figuratif yang digunakan, menerokai makna tersurat dan makna tersirat bahasa figuratif dan fungsi bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Sulaiman Salleh (2014) menyatakan bahawa keberkesanan komunikasi penulisan mempunyai hubungan yang rapat dengan ilmu pengetahuan yang ada pada pengarang. Hal ini demikian kerana penggunaan bahasa dalam memilih, membentuk dan menyusun kata-kata yang baik sesuai menurut konteksnya menuntut pengarang menjadi penulis yang lebih kreatif dan bijaksana. Pengarang perlu bijak memilih, menempatkan atau membezakan bahasa yang dipilihnya agar dapat difahami oleh pembaca. Senada dengan itu, seseorang pengarang hendaklah mewah dengan kosa kata kerana mereka yang mempunyai kosa kata yang luas berkemampuan tinggi untuk menyaring perkataan yang paling sesuai untuk menyatakan maksud atau gagasannya kepada khalayak (Rinaldi Firdaus, 2014). Dalam hal ini pengkaji akan melihat pengarang Anwar Ridhwan menggunakan gaya bahasa dalam karyanya, iaitu dengan mengenal pasti jenis-jenis bahasa figuratif.

Bahasa figuratif merupakan bahasa tersirat yang menuntut pembaca untuk memahami maknanya dengan lebih meluas. Sekiranya bahasa yang digunakan terdiri daripada perkataan tersurat, pembaca tidak menghadapi masalah untuk memahaminya. Sebaliknya, perkataan yang mengandungi makna tersirat mengandungi dua atau lebih maknanya. Oleh itu, pembaca perlu berusaha memahami dan menyatakan makna yang sama seperti yang dimaksudkan oleh pengarang (Sugihastuti, 2002). Dalam soal ini juga, menurut Raja Shaharudin Raja Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015) aspek kajian tentang makna bagi gaya bahasa tersirat, teori semantik biasa sahaja tidak dapat menyelesaikan persoalan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur. Kajian tentang aspek makna yang tersirat bukan sahaja perlu melibatkan bidang semantik, tetapi perlu ada kesinambungan dengan bidang pragmatik. Bidang pragmatik merupakan aspek yang penting kerana ia merupakan suatu proses interpretasi sesuatu makna bagi menentukan rujukan yang tepat berdasarkan konteksnya (Nur Hafizah Razali & Normaliza Abd Rahim, 2015). Hal ini mendorong pengkaji untuk menghuraian makna tersurat dan makna tersirat bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan supaya makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang dapat ditafsirkan dengan tepat berpandukan teori pragmatik, iaitu Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986).

Seterusnya, Ramlee Wahab (2016) menyatakan bahawa pengabaian penggunaan bahasa figuratif boleh menyebabkan unsur sastera hilang serinya “ibarat minuman tanpa manisan” dan “sebuah taman merimbun tanpa bunga-bungaan.” Pernyataan beliau ini boleh disamakan bahawa sebuah novel tanpa bahasa figuratif akan hilang kepersisian “ibarat” yang hanya menyampaikan penceritaan atau mesej yang tertentu melalui gaya bahasa yang hambar. Oleh itu, sekiranya gaya bahasa yang digunakan hambar secara tidak langsung peranan novel untuk menyampaikan pelbagai mesej, pemikiran, tauladan dan sebagainya tidak akan tercapai. Bukan itu sahaja, Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2003) menyatakan bahawa jika gaya bahasa yang digunakan tidak menarik, maka pembaca tidak akan terpengaruh dengan apa-apa yang dikatakan walaupun isi kandungannya tepat dan faktanya betul. Namun, gaya bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai memperindahkan bahasa tetapi juga mendukung nilai yang terkandung dalam novel yang dibaca. Menurut Sukarni (2012), nilai-nilai akan dapat difahami dengan baik jika dapat difahami fungsi bahasanya. Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan fungsi bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan. Kesimpulannya, bertitik-tolak kepada semua permasalahan yang telah dikupas dalam bahagian ini, maka kajian dalam novel Anwar Ridhwan mempunyai justifikasi bagi mengisi ruang kajian mengenai bahasa figuratif dalam novel dengan lebih terperinci. Berpaksikan itu, kajian ini berojektifkan untuk mengenal pasti bahasa figuratif, menghuraikan makna tersurat dan makna tersirat bahasa figuratif dan menjelaskan fungsi bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan. Novel terpilih yang bertajuk *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), *Naratif Ogonshoto* (2001) dan *Penyeberang Sempadan* (2012).

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Terdapat tiga persoalan utama yang mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian tentang bahasa figuratif dalam novel Anwar Ridhwan, iaitu:

- i. Apakah jenis bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan?
- ii. Apakah makna tersurat dan makna tersirat bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan?
- iii. Sejauh manakah bahasa figuratif digunakan dalam novel Anwar Ridhwan?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah:

- i. Mengenal pasti jenis bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan.
- ii. Menghuraikan makna tersurat dan makna tersirat bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan.
- iii. Menjelaskan fungsi bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Bahasa merupakan alat komunikasi dalam sesebuah teks bagi menyampaikan sesuatu idea dan maklumat. Sementara itu, penggunaan gaya bahasa merupakan tunjang kekuatan dalam karya kreatif. Gaya bahasa dapat menimbulkan rasa dan kesan tertentu seperti keharuan, kegembiraan dan keseronokan, di samping dapat merangsang daya pemikiran kepada pembaca. Oleh itu, kajian mengenai gaya bahasa adalah sangat penting.

Pengkajian yang menjurus kepada aspek gaya bahasa figuratif dalam novel daripada pengarang yang berbakat besar, iaitu Anwar Ridhwan ini bukan sahaja dapat melihat jenis bahasa figuratif yang digunakan oleh pengarang, bahkan dapat memberi pengetahuan tentang fungsinya dengan lebih meluas dan jitu. Selain itu, kajian ini diharap dapat menyelami dan memahami makna bahasa figuratif dengan tepat. Kajian yang memberikan fokus kepada jenis, makna tersurat dan makna tersirat serta fungsi bahasa figuratif dalam novel Anwar Ridhwan juga dilihat mampu menggambarkan gaya bahasa beliau yang tersendiri dan seterusnya dapat memberikan sumbangan kepada dunia penulisan karya kreatif di Malaysia.

Penggunaan bahasa yang berwibawa, bermutu dan baik akan mudah diterima dan diakui oleh dunia. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberikan inspirasi kepada pengarang baharu agar lebih cakna terhadap penggunaan gaya bahasa dalam karya kreatif. Bukan itu sahaja, pengkaji berharap kajian ini dapat menjadi panduan asas dan memberikan maklumat kepada pengarang baharu mengenai penggunaan bahasa figuratif dalam menghasilkan karya yang bermutu tinggi dan mempunyai nilainya.

Pengkaji juga berharap agar kajian ini dapat membantu pengkaji lain yang akan membuat kajian lanjutan mengenai bahasa figuratif dalam novel atau karya kreatif atau karya bukan kreatif yang lain. Kajian ini juga diharap dapat menyelesaikan masalah dan persoalan yang timbul berkaitan dengan kajian ini dan melengkapkan lagi kajian yang pernah dijalankan oleh sarjana-sarjana terdahulu. Seterusnya, dapat memberi sumbangan kepada para pensyarah, guru dan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran mengenai gaya bahasa figuratif di mana-mana institusi pendidikan terutamanya di Malaysia.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini berfokus kepada tiga buah novel Anwar Ridhwan, iaitu *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), *Naratif Ogonshoto* (2001) dan *Penyeberang Sempadan* (2012). Aspek yang dikaji dalam novel tersebut ialah ungkapan yang mengandungi bahasa figuratif, iaitu mengenal pasti jenis bahasa figuratif yang menfokuskan kepada lima jenis bahasa figuratif, iaitu personifikasi, simile, metafora, hiperbola dan alusi. Walaupun kajian ini hanya menfokuskan lima jenis bahasa figuratif, namun kesemua jenis bahasa figuratif dilihat mampu mencapai objektif kajian. Seterusnya, pengkaji akan menghuraikan makna tersurat dan makna tersirat bahasa figuratif dan menjelaskan

fungsi bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan. Landasan teori pula bertunjangkan kepada Teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber & Wilson (1986) di samping pendekatan lain seperti Model Jenis Bahasa Figuratif oleh Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Saleeh Rahamad (1996), Model Fungsi Bahasa Figuratif oleh Gorys Keraf (1984).

Rasional utama tiga buah novel ini dipilih kerana novel ini merupakan hasil karya seorang sasterawan Negara yang ke sepuluh iaitu, Anwar Ridhwan pada tahun 2009. Beliau merupakan penerima SEA Write Award 2002. Beliau juga dianggap sebagai seorang sasterawan yang berbakat besar dan berjaya dalam penulisan. Oleh itu, bakatnya yang besar dalam bidang penulisan menyebabkan pengkaji memilih ketiga-tiga buah novel Anwar Ridhwan untuk mengkaji tentang keindahan berbahasa beliau melalui penggunaan bahasa figuratif.

Bukan itu sahaja, pengkaji memilih novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979) kerana novel ini telah memenangi hadiah pertama Peraduan Mengarang Novel anjuran Yayasan Sabah-GAPENA II. Novel *Naratif Ogonshoto* (2001) pula telah memenangi tiga hadiah utama, iaitu Hadiah Sastera Perdana pada tahun 2001, SEA Write Award pada tahun 2002 dan Hadiah Sastera Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) pada tahun 2002. Selain itu, novel *Naratif Ogonshoto* (2001) dipilih sebagai bahan kajian kerana bertepatan dengan kenyataan yang diberikan oleh Ariff Mohamad (2016), iaitu novel ini mempunyai banyak pengungkapan makna tersirat. Novel *Penyeberang Sempadan* (2012) juga turut dinobatkan sebagai pemenang utama Hadiah Sako 3 bagi novel nasional. Penganugerahan yang diperolehi oleh Anwar Ridhwan terhadap ketiga-tiga buah novelnya membuktikan bahawa penulisan beliau merupakan karya yang berkualiti dan terunggul. Berikut itu, ketiga-tiga novel ini rasional menjadi instrumen kajian pengkaji dan seterusnya mencapai objektif kajian.

## 1.8 Definisi Operasional

Berdasarkan objektif kajian ini, beberapa konsep utama yang perlu ditekankan oleh pengkaji bagi memudahkan pemahaman kajian ini dijalankan. Konsep-konsep tersebut adalah:

### 1.8.1 Bahasa Figuratif

Bahasa figuratif berasal daripada bahasa Latin, *figura*, iaitu *form* atau *shape*. *Figura* berasal daripada kata *fingere* yang bererti *to fashion*. Noresah Baharom (2014) menyatakan bahasa figuratif ialah makna perkataan atau rangkai kata yang lebih abstrak atau imaginatif, lain daripada makna perkataan yang biasa, lazim dan harfiah yang bersifat kiasan, lambang, metafora dan sebagainya.

Siti Nor Atikaf Salleh, Nurfarhana Shahira Rosly, Nabillah Bolhassan & Asrul Mat Dehan (2016) menyatakan bahawa bahasa figuratif merupakan penyimpangan maksud daripada pengucapan bahasa biasa. Membandingkan hal-hal dengan hal-hal yang lain untuk memperlihatkan ciri-ciri persamaan antara kedua-kedua hal itu dikenali sebagai bahasa figuratif (Gorys Keraf, 1984). Ringkasnya, bahasa figuratif merupakan bahasa yang digunakan dalam menyampaikan makna atau membangkitkan kesan tertentu dengan membandingkan atau mengaitkan sesuatu perkara dengan perkara yang lain yang disampaikan secara tersirat. Dalam konteks kajian ini, bahasa figuratif ialah nilai intrinsik sastera secara tersirat untuk mengekspresikan nilai ekstrinsik sastera hasil karya Anwar Ridhwan

### 1.8.2 Novel

*Novella* merupakan istilah bagi novel yang diambil daripada bahasa Itali. Dalam bahasa German pula, istilah novel dikenali dengan nama *novelle*. *Novelle* dapat ditakrifkan sebagai barang baharu yang kecil yang mengandungi cerita pendek dalam bentuk prosa. Walau bagaimanapun, istilah novel daripada kedua-dua bahasa tersebut, iaitu *novella* dan *novelle* kini sudah sinonim dengan istilah *novelette*. Hal ini dapat disokong menurut Othman Puteh (1999), iaitu perkataan novel berasal daripada perkataan Itali, iaitu *novella* atau *novelette*. Beliau memberikan makna novel sebagai sesuatu cerita dalam bentuk prosa yang panjang dan mempunyai isi yang tertentu.

Novel berfungsi sebagai penyampaian kisah-kisah sesuatu hal dan dalam kisah tersebut memaparkan konflik-konflik dan percubaan dengan cara penyelesaikan konflik, punca dan peleraian. Berdasarkan daripada isi pengisahannya, maka akan dapat disimpulkan pokok-pokok persoalan atau tema yang ingin disampaikan oleh pengarang sesebuah novel itu. Nursham Abdul Aziz (2015) menyatakan bahawa novel merupakan sebuah hasil sastera yang menggambarkan pelbagai persoalan sosial untuk difikirkan dan dijadikan renungan oleh pembaca. Napisah Muhammad (2001) berpendapat bahawa novel merupakan kisah rekaan panjang yang dihasilkan dalam bentuk prosa yang memperihalkan tentang kehidupan manusia di tempat dan pada masa-masa yang tertentu. Kebiasaannya novel terhasil sama ada daripada realiti kehidupan pengarang atau melalui pengalaman dan imaginasi di sekelilingnya.

Kesimpulannya, novel merupakan yang berbentuk cereka panjang yang mempunyai nilai dalaman yang istimewa. Selain itu, novel juga mengandungi pelbagai tema dan persoalan, latar, gaya bahasa, watak dan perwatakan dan plot. Secara lazimnya novel merupakan karya yang mengisahkan tentang kehidupan sebenar ataupun kombinasi antara realiti kehidupan pengarang atau di sekitarnya, di samping menyelitkan unsur-unsur imaginasi pengarang. Dalam hal ini, kajian ini bersumberkan tiga buah novel yang mengandungi gaya bahasa figuratif, iaitu novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), *Naratif Ogonshoto* (2001) dan *Penyeberang Sempadan* (2012) karya Anwar Ridhwan.

### **1.8.3 Makna Tersurat**

Makna tersurat juga disebut sebagai makna denotatif, makna deskriptif dan makna leksikal (Setiawati Dermojuwono, 2007). Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, Noresah Baharom (2014) menyatakan makna tersurat merupakan makna yang dapat difahami secara mudah dan jelas daripada sesuatu tulisan. Contoh perkataan *perempuan* dan *wanita* mempunyai makna tersurat yang sama, iaitu bermaksud *manusia biasa yang bukan lelaki*. Contoh lain ialah seperti dalam ayat, “Kucing itu berwarna putih.” *Kucing* dalam ayat tersebut bermaksud *sejenis binatang yang kecil dan memiliki bulu yang lembut dan tebal* (Noresah Baharom, 2014).

Makna tersurat berkait rapat tentang sesuatu yang boleh dilihat secara objektif. Dengan kata lain, makna tersurat merupakan makna mutlak, makna sebenar, makna asal atau makna dasar. Walau bagaimanpun, dalam kajian mengenai penggunaan bahasa figuratif dalam novel Anwar Ridhwan makna sesuatu perkataan bukan sahaja perlu ditelusuri berdasarkan pada makna tersurat sahaja tetapi juga perlu dilihat kepada makna tersirat bahasa tersebut supaya mesej, maklumat atau perkara yang hendak disampaikan oleh pengarang dapat difahami dan memberi impak kepada pembaca. Selari dengan pendapat yang diberikan oleh Wong Shia Ho (2014), beliau menyatakan bahawa jika sesuatu ujaran diungkapkan secara tersurat, maka kesan ujaran tidak mencapai makna yang hendak disampaikan, sebaliknya penggunaan ungkapan secara tersirat dapat mencapai makna yang tidak dapat dipenuhi oleh ujaran secara tersurat dalam konteks.

### **1.8.4 Makna Tersirat**

Rinaldi Firdaus (2014) menyatakan perkataan-perkataan yang digunakan oleh seseorang yang mengandungi makna tersirat bermaksud sebagai memperhalus atau menyembunyikan makna sebenarnya yang ingin disampaikan. Menurut Mat Taib Pa (2016) pula menyatakan, makna tersirat merupakan makna tambahan dan makna sampingan kepada makna tersurat bagi sesuatu perkataan. Dalam erti kata yang lainnya, sesuatu perkataan itu mengandungi makna tersurat tetapi di samping itu mengandungi yang makna lain. Contohnya, dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2014), perkataan “*khalwat*” memberi dua maksud iaitu, yang pertama ialah *mengasingkan diri di tempat yang sunyi kerana bertafakur* dan yang kedua ialah duduk *berdua-duaan di tempat yang sunyi antara perempuan dan lelaki yang bukan mahram sehingga menimbulkan fitnah* (Noresah Baharom, 2014). Namun, akibat daripada proses perubahan makna perkataan “*khalwat*” telah menjadi sinonim dalam masyarakat Melayu yang merujuk kepada perbuatan yang sumbang. Perbuatan ini merupakan perbuatan yang memalukan dalam masyarakat Melayu dan juga dilarang dalam ajaran Islam. Oleh itu, perkataan “*khalwat*” lebih sinonim digunakan sebagai memperhalus makna sebenarnya yang tidak elok.

Ringkasnya, makna tersirat ialah sesuatu hal yang samar-samar atau diterangkan tidak begitu jelas dan mengandungi makna lain yang ditambah pada makna tersurat. Berdasarkan kajian ini makna tersirat dirujuk kepada makna yang terdapat dalam bahasa figuratif yang digunakan oleh Anwar Ridhwan dalam menyampaikan hasil

penulisan beliau. Oleh itu, dalam kajian yang dibuat tentang bahasa figuratif pengkaji akan menghuraikan bahasa figuratif dari segi makna tersurat dan makna tersirat berpandukan Teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber & Wilson (1986).

### **1.9 Kesimpulan**

Dalam bab ini, pengkaji telah menyatakan tentang latar belakang kajian. Latar belakang kajian tersebut mengenai bahasa figuratif sebagai gaya bahasa dalam novel, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan definisi operasional.

## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2003). *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh*. Kuala Lumpur: Utusan Publication. Sdn. Bhd.
- Ali Imron Al-Ma'ruf. (2009). Kajian Stilistika Aspek Bahasa Figuratif Novel Ronggeng Dukuh Paruk karya Ahmad Tohari. *Publikasi Ilmiah*, 21(1). Diambil pada Disember 23, 2014, daripada <http://publikasiilmiah.ums.ac.id/handle/123456789/1240?show=full>.
- Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Pentafsiran Makna dalam Ujaran Saling Memahami. *Jurnal Linguistik*, 20(2), 33-041.
- Aminudin Mansor. (2014, Mei 04). Gaya Bahasa dalam Novel. *Utusan Online*. Diakses pada Julai 8, 2017, daripada [http://www1.utusan.com.my/utusan/Sastera/20140504/sa\\_02/Gaya-bahasa-novel-Melayu](http://www1.utusan.com.my/utusan/Sastera/20140504/sa_02/Gaya-bahasa-novel-Melayu).
- Arba'ie Sujud. (2016). Bahasa Sastera. *Nota Kuliah: BBM3103 Bahasa dalam Kesusastraan Melayu*. Universiti Putra Malaysia.
- Ariff Mohamad. (2016). Makna siratan dalam Novel Politik Melayu Terpilih: Analisis Berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu. *Tesis Ph.D*. Universiti Malaya.
- Asrul Azuan Mat Dehan. (2016). Retorik dalam Novel A. Samad Said. *Tesis Master*, Universiti Putra Malaysia.
- Asrul Azuan Mat Dehan & Nor Azuwan Yaakob. (2017). *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 6(2017), 1-12.
- A. Hamid Hasan Lubis. (1994). *Analisis Wacana Pragmatik*. Bandung: Penerbit ANGKASA.
- Eko Marini. (2010). Analisis Stilitika Novel Laskar Pelangi karya Andrea Hirata. *Tesis Master*, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan RI.
- Fatin Rabih Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 6 (2017), 13-24.
- Gorys Keraf. (1984). *Diksi dan Gaya Bahasa: Komposisi Lanjutan 1*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Hasmidar Hassan. (2016). Perinterpretasian Peribahasa dan Hubungannya dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 16(1), 119.
- Hassan Ahmad. (2016). *Bahasa dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ika Suziana Let & Rohaidah Kamarudin. (2018). Penterjemahan Unsur Budaya dalam Bahasa Kiasan daripada Lagu Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 1-8.
- Jaafar Jambi & Norliah Abdullah. (2018). Strategi Terjemahan Bahasa Figuratif dalam Novel Bahasa Jepun ke Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*, 5, 83-104.
- Jamilah Omar. (2016). Analisis Pemakaian Gaya Bahasa Perek Grafiik dalam Rekaan Iklan Produk di dalam Media Massa Malaysia. *Seminar Memartabatkan Bahasa Melayu Asean*. Park View Hotel and Resort, May 2016.
- Mary Fatimah Subet. (2018). Analisis Teori Relevans dalam Metafora. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 159-188.
- Mary Fatimah Subet. (2015). Sajak “Pelacur Tua”: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 113-142.
- Mary Fatimah Subet & Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Mengalami dan Menghayati Makna Kemiskinan Melalui Bahasa. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 28-44.
- Mat Taib Pa. (2016). Konsep Makna dan Jenisnya. *Jurnal Kesidang*, 1(1), 1-19.
- Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Saleeh Rahamad. (1996). *Strategi Bahasa: Panduan Nahu dan Retorik untuk Penulisan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohamad Azmi Ab. Rahman. (2016). Mencari Titik Persamaan dan Perbezaan dalam Novel dan Filem Popular Melayu. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*. Universiti Utara Malaysia, 25-27 Oktober.
- Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad & Muhammad Zaid Daud. (2018). Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaluzaman. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 106-121.
- Muhammad Daud. (2014, April 24). Kerana Sirap Setitik... *Sinar Online*. Diakses pada Julai 21, 2017, daripada <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/muhammad-daud/kerana-sirap-setitik-1.273608>.
- Muhamad Fadzllah Zaini. (2015). Metafora ADAT Dalam Pantun Melayu: Analisis Teori Hibrid. *Kertas Kerja Seminar Kolokium Bahasa, Linguistik dan Komunikasi*. Akademi Pengajian Bahasa, Shah Alam, 1, September 2015.
- Napisah Muhammad. (2001). *Penghayatan Novel Restu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasimah Abdullah & Lubna Abd Rahman. (2016). Terjemahan Ayat Figuratif Dalam Al-Quran: Perbandingan Antara Penterjemah Individu dan Berkumpulan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(1), 45-46.

- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2005). Pengajaran Gaya Bahasa dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 37–54.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noah Goodman. (2014). *Figurative Language*. Diakses pada Januari 17, 2017., daripada <http://news.stanford.edu/news/2014/august/language-figurative-goodman-0806.html>.
- Noresah Baharom. (Ed.). (2014). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norfazila Ab. Hamid. (2014). Polisemi Kata Hubung ‘dengan’ dalam Novel Salina Karya A. Samad Said: Satu Analisis dari Sudut Teori Relevans. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 1(1), 156-173.
- Noorsyuhada Mohamed Salleh & Maheram Ahmad. (2015). Tinjauan Literatur Penterjemahan Novel Melayu ke Bahasa Arab. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*. 37(2), 147-152.
- Noor Aina Dani. (2007). *Kaedah Penyelidikan dalam Bahasa Melayu* (BBM 5202). Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Noor Eliza Abdul Rahman & Zulazhan Ab. Halim. (2016). Penterjemahan Bahasa Kiasan dalam Sari Kata Drama Arab *Flag Of Truth*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(2), 106-11.
- Noor Hasnoor Mohamad Nor. (2017). Metafora Anatomi dalam Bahasa Melayu. *Tesis Ph.D*, Universiti Malaya.
- Noriah Mohamed & Jamilah Bebe Mohamad. (2016). Eufemisme Leksikel dan Metafora Kematian dalam Dialek Melayu Kedah. *Journal of Education and Social Science*, 4(2), 331-342.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nursham Abdul Aziz. (2015). Novel-novel Terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*, Universiti Malaya.
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik Naratif dalam Novel “Orang Kota Bharu”. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*. 4(2), 13-22.
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi dan Semantik. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 1-23.

- Nur Amirah Che Soh & Che Ibrahim Salleh. (2014). Keindahan Bahasa dalam Lirik Lagu P. Ramlee. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 2(1), 103-111.
- Nur Hafizah Razali & Normaliza Abd Rahim. (2015). Makna Ujaran Masyarakat Banjar dari Sudut Pragmatik. *Journal of Business and Social Development*, 4(1), 55-64.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Puteh. (1999). *Wadah Bahasa dan Sastera Penulisan Cereka Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Shaharudin Raja Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Penggunaan Implikatur sebagai Medium Penjelasan Akidah. *Jurnal Linguistik*, 19(2), 1-9.
- Rachmat Djoko Pradopo. (2000). *Pengkajian Puisi: Analisis Strata Norma dan Analisis Struktural dan Semiotik*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Ramlee Wahab. (2016, September 16). Estetika dalam Karya Sastera. *Utusan Online*. Diakses pada September 6, 2017, daripada <http://m.utusan.com.my/pendidikan/sastera/estetika-dalam-karya-sastera-1.378447>.
- Rinaldi Firdaus. (2014). Analisis Diksi dan Gaya Bahasa Figuratif Dalam Cerpen 蜘蛛の糸 (Kumo No Ito) Karya Akutagawa Ryuunosuke (Penelitian Stilistika dengan Pendekatan Analisis Isi). *Tesis Degree*, Digital Library - Perpustakaan Pusat Unicom – Knowledge Center, diakses pada Februari 13, 2017, daripada [http://elib.unikom.ac.id/files/disk1/711/jbptunikompp-gdl-rinaldifir-35503-11-unikom\\_r-l.pdf](http://elib.unikom.ac.id/files/disk1/711/jbptunikompp-gdl-rinaldifir-35503-11-unikom_r-l.pdf).
- Rozaimah Rashidin. (2015). Metafora Konsepsi Marah dalam Data Korpus Teks Tradisional Melayu. *Jurnal Linguistik Melayu*, 19(1), 29-47.
- Sara Beden & Awg Kasmurie Awg Kitot. (2015, Jun 18). Kekuatan Bahasa Figuratif dalam Memanifestasikan Amalan Hidup. *Dewan Bahasa*. Diakses pada Julai 5, 2016, daripada <http://dwnbahasa.dbp.my/?p=1526>.
- Setiawati Dermojuwono. (2007). *Pesona Bahasa: Langkah Awal Memahami Linguistik*. (Kunshartanti, Untung Yawono, Multimia RMT Lauder. (Eds.). Jakarta: PT gramedia Pustaka Utama.
- Siti Faridah Omar & Fadilah Isnin. (2017). Penggunaan Bahasa Figuratif dalam Penulisan Karangan Naratif Murid Sekolah Rendah. *Dian Bahasa*. Diakses pada Januari 16, 2017, daripada [http://malaylanguagecentre.moe.edu.sg/qql/slot/u181/Khazanah%20Ilmu/Dian%20Bahasa/Dian\\_Bahasa\\_5.pdf](http://malaylanguagecentre.moe.edu.sg/qql/slot/u181/Khazanah%20Ilmu/Dian%20Bahasa/Dian_Bahasa_5.pdf).

- Siti Norashikin Mohd Khalidi & Nor Azuwan Yaakob. (2018). Bahasa Figuratif sebagai Wahana Penjelasan Unsur Emotif. *Jurnal Pengurusan dan Muamalah*, 8(1), 3-19.
- Siti Norashikin Mohd Khalidi, Nor Azuwan Yaakob & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Makna Siratan Bahasa Figuratif dalam Cerpen Melayu Karya Lim Swee Tin. *Journal of Business and Social Development*, 5(2), 75-94.
- Siti Norashikin Mohd Khalidi & Ernawita Atan. (2017). Unsur Eufemisme dalam Novel Jalan Retak Karya A. Samad Said. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 88-101.
- Siti Nor Atikaf Salleh, Nurfarhana Shahira Rosly, Nabillah Bolhassan & Asrul Mat Dehan. (2016). Keanekaragaman Ciri Laras Bahasa Kreatif (Sastera) dalam Penulisan Novel *Hujan Pagi*. *Jurnal Ilmi*, 1(1), 11-28.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2014). Jiwa Sastera: Menyindir dan Mengkritik Secara Bersopan Melalui Sastera. *Dahsyatnya Kesusasteraan Memerihalkan Kehidupan*. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevans Komunikasi & Kognisi*. (Nor Hashimah Jalaluddin, Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stephen Juan. (2010). *The Register dalam Berapa Kali Mata Berkedip dalam 1 Menit: Berita Sehat*. Diakses pada Oktober 21, 2017, daripada <http://m.detik.com/health/read/2010/04/30/131011/1348512/766/berapa-kali-mata-berkedip-dalam-1-menit>.
- Sugihastuti. (2002). *Teori dan Apresiasi Sastera*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Sukarni. (2012). Analisis Bahasa Figuratif dalam Novel Sang Pemimpi Karya Andre Hirata sebagai Alternatif Materi Pembelajaran Analisis Gaya Bahasa. *Tesis S1*. Universitas Negeri Yogyakarta.
- Sulaiman Masri, Abdullah Yusuf & Mohd Ra'in Shaari. (2006). *Bahasa Melayu Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Sulaiman Salleh. (2014). Kajian Keberkesanan Komunikasi Kepengarangan. *Proceeding of the 1st International Conference on Management and Muamalah 2014 (1st ICoMM)*. Kolej Universiti Islam Selangor, 13-14 November.
- Syamsidah Saad & Raja Masittah Raja Ariffin. (2014). Makna Tersurat dan Tersirat dalam Iklan di Radio berdasarkan Teori Imej. *International Journal of Language Education and Applied Linguistic*, 1, 65-75.
- Utusan Online. (2011, Julai 17). Kesihatan: Kenali Ciri-ciri Wajah Sempurna. Diakses pada Mei 13, 2018 daripada [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0717&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Kesihatan&pg=kn\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0717&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kesihatan&pg=kn_05.htm).

- Wong Shia Ho. (2014). Ungkapan Implisit dalam Berita Bola Sepak Piala Dunia 2014: Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 14(2), 219-238.
- Wong Shia Ho. (2014). Penggunaan Simbol dalam Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 60-96.
- Wong Shia Ho. (2013). Bahasa Figuratif sebagai Wahana Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 39-63.
- Yahya Othman & Nurliham Tuah. (2011). Penggunaan Gaya Bahasa dalam Penulisan Karangan Naratif Pelajar Prauniversiti di Brunei Darussalam. *Journal of Applied Research in Education*, 15(1&2), 29-42.
- Zurinah Hassan. (2011). Bahasa Figuratif Pemanis Bicara. *Jurnal Dewan Sastera*, 24-28.